

BAB 4 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

4.1 Malayan Union

4.1a) Apakah Malayan Union? (ms 95)

Negara	Negara dan bangsa yang diperkenalkan oleh British pada tahun 1946 untuk menghapuskan negara dan bangsa dibina sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.
---------------	---

4.1.1) Mengapakah British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu? (ms 95)

Persediaan	Sebagai persediaan kepada Tanah Melayu ke arah pembentukan pemerintahan sendiri.
Licin	Melicinkan pentadbiran dengan menyeragamkan pentadbiran yang berbeza, iaitu Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.
Kos	Menjimatkan kos pentadbiran.
Imbang	Mengimbangi pembangunan ekonomi di setiap negeri.
Melupakan	Membentuk sebuah bangsa Malayan Union supaya golongan pendatang dapat melupakan negara asal mereka dan menumpukan taat setia kepada Malayan Union.
Sumber	Memastikan sumber tenaga dan pelaburan untuk memajukan ekonomi Tanah Melayu tidak terbantut dan terjamin.
Penguasaan	Menjamin penguasaan yang berterusan terhadap sumber ekonomi Tanah Melayu.
Kurang	British berhasrat mengurangkan kuasa politik orang Melayu.

4.1.2 Ciri-ciri Perjanjian Malayan Union 1946

4.1.2a) Apakah syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian Malayan Union 1946? (ms 95)

Menyatukan	Menyatukan semua Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu serta dua Negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka.
Gabenor	Seorang gabenor British yang dilantik oleh Baginda Ratu England akan mengetuai Malayan Union.
Majlis	Membentuk Majlis Eksekutif dan Majlis Undangan Malayan Union dalam pentadbiran Malayan Union.
Asingkan	Singapura diasingkan kerana kepentingannya sebagai pelabuhan bebas.
Sama	Kewarganegaraan sama rata dengan prinsip jus soli menjadi asas kerakyatan Malaya Union.
Soal	Raja-Raja Melayu menjadi ahli Majlis Raja-Raja Melayu hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu.
Pesuruhjaya	Seorang Pesuruhjaya Negeri dilantik bagi setiap negeri sebagai ketua pentadbir.

4.1.2b) Apakah yang dimaksudkan dengan jus soli? (ms 96)

Sesiapa	Kelayakan menjadi rakyat Malayan Union kepada sesiapa saja yang lahir di Tanah Melayu dan Singapura.
Umur	Berumur 18 tahun dan ke atas serta bermastautin selama 10 hingga 15 tahun akan diberikan kerakyatan.
Anak	Mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun anak warganegara Malayan Union diberi kerakyatan.
British	Semua rakyat British daripada tanah jajahan takluk boleh menjadi rakyat Malayan Union.

4.1.2c) Huraikan pelaksanaan pentadbiran Malayan Union di Tanah Melayu pada tahun 1946. (ms 96-97)

Kesatuan	Berusaha mewujudkan sebuah kesatuan yang dikuasai oleh sebuah pemerintahan pusat yang kuat.
Parlimen	Pentadbirannya terus kepada Parlimen British di London menolak tradisi dan sistem politik Melayu.
Gabenor	Gabenor pertamanya ialah Sir Edward Gent bertanggungjawab kepada Parlimen British.
Majlis	Di bawah Gabenor terdapat tiga majlis pentadbiran di peringkat pusat iaitu Majlis Eksekutif, Majlis Undangan dan Majlis Raja-Raja Melayu.

4.1.3a) Mengapakah orang Melayu menentang Malayan Union yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu? (ms 98)

Ugut	Membantah tindakan Sir Harold MacMichael yang mengugut Raja-Raja Melayu diturunkan takhta sekiranya enggan menerima Malayan Union seperti yang terjadi kepada Sultan Badlishah, Kedah.
Masa	Sultan tidak diberikan masa yang cukup untuk berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri seperti yang berlaku kepada Sultan Perak.
Setia Kawan	Terdapat Sultan yang menandatangani Perjanjian Malayan Union atas dasar setia kawan kepada British seperti Sultan Selangor dan Sultan Johor.

Sesuai	Bagi orang Melayu, keadaan selepas Perang Dunia Kedua tidak sesuai untuk British membuat pembaharuan politik.
Hakis	Orang Melayu menentang penghakisan kuasa Raja-Raja Melayu dalam Malayan Union kerana hanya menjadi ahli Majlis Raja-Raja Melayu tanpa sebarang kuasa.
Kehilangan Zakat	Raja-Raja Melayu kehilangan takhta dan kredibiliti sebagai ketua orang Melayu. Zakat fitrah dipungut di bawah nama Gabenor Malayan Union bertentangan dengan kedudukan sultan sebelum ini yang merupakan ketua agama Islam.
Bimbang	Orang Melayu bimbang agama Islam akan tercabar.
Longgar	Pemberian kerakyatan yang longgar kepada orang dagang akan mengancam status quo orang Melayu sebagai peribumi.
Mundur	Jumlah orang Melayu akan menjadi kecil dengan kemasukan orang dagang manakala ekonomi dan pendidikan mereka akan bertambah mundur.
Warisan	Bimbang akan kehilangan warisan tamadun yang telah dibina oleh kerajaan Melayu seperti Kesultanan Melayu Melaka dan menghapuskan sejarah kerajaan Melayu.

4.1.3b) Mengapakah orang dagang dan golongan Melayu radikal menyokong tindakan British memperkenalkan Malayan Union? (ms 100)

Unit	Bersetuju menyatukan negeri-negeri Melayu menjadi sebuah unit politik untuk melicinkan pentadbiran.
Sama	Menyokong dasar sama rata Malayan Union yang akan menghapuskan hak-hak perlindungan kepada orang Melayu.
Terbuka	Menyokong kerakyatan Malayan Union yang terbuka kerana mereka boleh mengekalkan kerakyatan asal masing-masing.
Merdeka	Mempercayai janji British yang akan memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.
Harapan	British berjanji akan kemerdekaan yang merupakan harapan semua parti dan persatuan yang menyokong Malayan Union.
Barat	Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) menyokong kerana pemerintahannya bersifat Barat serta menghapuskan sistem feodal Melayu dan tidak mengiktiraf kuasa raja dan pembesar Melayu.
Republik	Konsep republik seperti Indonesia dapat dijalankan dan seterusnya konsep Melayu Raya dapat dilaksanakan yang mendapat sokongan daripada Angkatan Pemuda Insaf (API) pimpinan Ahmad Boestamam, Angkatan Wanita Sedar (A WAS) dan Barisan Tani Malaya (BATAS).
Islam	Penyatuan pentadbiran agama Islam dalam Malayan Union disokong oleh PKMM kerana hal ehwal pentadbiran Islam dipermudahkan.
Kecekapan	Pegawai tadbir Melayu menyokong Malayan Union dengan alasan British merupakan kuasa besar dan mempunyai kecekapan untuk membangunkan Tanah Melayu.

4.1.4a) Bagaimanakah orang Melayu menentang Malayan Union yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu? (ms 100-101)

Akhbar	Bantahan melalui akhbar-akhbar Melayu seperti Utusan Melayu, Majlis dan Warta Negara secara berterusan.
Demonstrasi	Mengadakan demonstrasi secara damai semasa Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-Raja Melayu di Kota Bharu, Kelantan, dan di Alor Setar, Kedah.
Telegram	Persatuan-persatuan Melayu menghantar telegram dan surat bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan di London.
Kongres	Dato' Onn Ja'afar menyeru orang Melayu berkongres untuk menubuhkan United Malays Organization (UMNO) sebagai benteng menentang Malayan Union.
Persatuan	Kongres Melayu 1946 telah diadakan dari 1 hingga 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur dihadiri oleh 41 buah persatuan dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu.
UMNO	Kongres ini bersetuju menubuhkan United Malays National Organization (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu untuk menentang Malayan Union.
Bantah	Kongres Melayu Kedua diadakan dari 30 hingga 31 Mac 1946 untuk membantah pengisytiharan Malayan Union pada 1 April 1946.
Rapat	Orang Melayu mengadakan rapat umum di setiap bandar besar untuk menunjukkan bantahan mereka kepada ahli-ahli Parlimen British.
Kumpul	Raja-Raja Melayu telah berkumpul di Kuala Kangsar pada 28 April 1946 untuk menyatakan bantahan mereka kepada ahli-ahli parlimen tersebut.

4.1.4b) Apakah iktibar peristiwa penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union? (ms 102)

Tegas	Perlu tegas untuk melakukan bantahan terhadap British.
Runding	Perlu rundingan dengan orang Melayu dan Raja-Raja Melayu sebelum sesuatu dasar hendak dibuat.

Penyatuan	Penyatuan orang Melayu untuk mempertahankan status quo mereka.
UMNO	Kongres Melayu 1946 telah melahirkan UMNO yang menjadi benteng perjuangan menentang Malayan Union.

4.2 Persekutuan Tanah Melayu 1948

4.2.a) Namakan bekas pegawai British yang menyokong pembubaran Malayan Union. (ms 102)

i)	Sir Frank Swettenham	ii)	Sir R.O. Winstedt
iii)	Sir Maxwell	iv)	Sir Cecil Clementi

4.2.1) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. (ms 103)

Ketegasan	ketegasan orang Melayu membantah Malayan Union di bawah pimpinan Dato' ann Ja'afar.
Perpaduan	Perpaduan di kalangan orang Melayu yang terdiri daripada golongan raja dan rakyat memujuk dan mendesak British untuk menghidupkan semula dasar perlindungan ke atas orang Melayu.
Bekas	Sokongan bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu.
Pegawai	Sokongan daripada pegawai tinggi British seperti Sir Malcom MacDonald, Sir Edward Gent dan L.D. Gammans Malayan Union dihapuskan.
Sederhana	Sikap politik orang Melayu yang sederhana dengan hanya menulis dalam akhbar, berdemonstrasi, berkongres dan memujuk Raja-Raja Melayu untuk menyokong penentangan terhadap British bukan melalui senjata.
Rundingan	British memilih UMNO dan Raja-Raja Melayu kerana keduanya hanya menuntut rundingan untuk menolak Malayan Union dan tidak menuntut kemerdekaan.
Bimbang	British juga bimbang orang Melayu akan dipengaruhi oleh gerakan politik Indonesia yang dikuasai oleh golongan radikal seperti PKMM, API, AWAS dan BATAS.
Piagam	Piagam Atlantik 1945 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak menggalakkan penjajahan baru, sebaliknya, meminta negara-negara kolonial memberikan latihan berkerajaan sendiri kepada penduduk tempatan.

4.2.2a) Nyatakan tuntutan orang Melayu terhadap British untuk pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. (ms 104)

Tolak	Raja-Raja Melayu dan UMNO menolak semua prinsip dan struktur Malayan Union.
Pesekutuan	Mereka menginginkan sebuah persekutuan seperti konsep Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
Kerakyatan	Mereka menolak kerakyatan terbuka Malayan Union.
Perlindungan	Mereka meminta dasar perlindungan terhadap Negeri-Negeri Melayu dan orang Melayu dipulihkan.
Raja-Raja	Mereka menuntut supaya Raja-Raja Melayu sebagai ketua Negeri-Negeri Melayu diakui semula.

4.2.2b) Apakah tindakan yang diambil oleh AMCJA-PUTERA setelah diketepikan daripada Jawatankuasa Eksekutif dalam rundingan Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu? (ms 105-106)

Mewakili	AMCJA-PUTERA. menentang British dan UMNO kerana Jawatankuasa Eksekutif tidak mewakili orang dagang dan golongan radikal Melayu.
Tindakan	Mereka mengadakan pelbagai tindakan seperti ceramah politik, demonstrasi dan mogok.
Cadangan	Mereka turut mencadangkan sebuah perlembagaan, iaitu Perlembagaan Rakyat.
Singapura	Singapura disatukan dengan Tanah Melayu.
Pusat	Sebuah kerajaan pusat dan Majlis Negeri - Negeri dipilih.
Kuasa	Raja-Raja Melayu akan mempunyai kuasa sebenar dan bertanggungjawab terhadap rakyat.
Istimewa	Kedudukan istimewa orang Melayu dikembalikan.
Agama	Adat istiadat dan agama Islam dikawal oleh orang Melayu.
Sama	Kerakyatan yang sama.
Bendera	Merah putih menjadi warna bendera Tanah Melayu.
Bahasa	Bahasa Melayu harus dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.
Tanggungjawab	Pertahanan dan hal ehwal luar negeri haruslah menjadi tanggungjawab bersama British dan Tanah Melayu.
Melayu	Warganegara Tanah Melayu harus dinamai Melayu.

4.2.3) Huraikan perubahan pentadbiran setelah British memperkenalkan Persekutuan Tanah Melayu 1948 di Tanah Melayu. (ms 106-107)

Pusat	Perkongsi kuasa di peringkat pusat antara Majlis Raja-Raja dengan Pesuruhjaya Tinggi.
--------------	---

Negeri	Pada peringkat negeri, Sultan menjadi ketua negeri dan berkuasa melantik Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri.
Pembahagian	Mengasaskan sistem pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri dan seterusnya membentuk Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.
Perketat	Pelanjutan Persekutuan Tanah Melayu 1948 syarat kerakyatan diperketatkan. Prinsip kerakyatan jus soli adalah untuk Rakyat Raja Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu dan Rakyat British bagi Negeri-Negeri Selat (Melaka dan Pulau Pinang).
Ketuanan	British mengiktiraf semula ketuanan Melayu sebagai asas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. yang diakui oleh British sejak Perjanjian Pangkor 1874.
Raja	Institusi Raja Melayu dikekalkan dengan bidang kuasa dan kedudukannya yang jelas dalam pentadbiran.
Perlembagaan	Setiap negeri Melayu mengadakan perjanjian dan perlembagaan bertulis dengan British. perlembagaan itu dikenali sebagai Undang-undang Tubuh Negeri yang digunakan sehingga hari ini.
Perlindungan	Pengenalan semula Rakyat Raja Melayu membuktikan penerusan dasar perlindungan British terhadap kedudukan istimewa orang Melayu, status quo Negeri-Negeri Melayu yang dilindungi, agama Islam dan adat istiadat Melayu sebagai teras ketuanan bangsa Melayu.
Bertulis	Prinsip-prinsip yang dicadangkan oleh UMNO dan Raja-Raja Melayu dimasukkan ke dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 sebagai undang-undang bertulis.
Kontrak	Perkara ini menjadi asas kepada Kontrak Sosial antara British dengan Raja-Raja Melayu dan orang Melayu yang diteruskan selepas tahun 1948.

4.2.4a) Siapakah tokoh di kalangan Sultan yang bertanggungjawab dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948? (ms 108-109)

i)	Sultan Badlishah	ii)	Sultan AbdulAziz	iii)	Sultan Ibrahim
----	------------------	-----	------------------	------	----------------

4.2.4b) Apakah tuntutan yang dibuat oleh Raja-Raja Melayu dalam perundingan Persekutuan Tanah Melayu 1948? (ms 109)

Kembalikan	Mereka telah menuntut supaya kuasa Raja-Raja Melayu dikembalikan seperti sebelum tahun 1941.
Perlindungan	Mengekalkan perlindungan kepada rakyat Melayu sebagai Rakyat Raja Melayu.
Pelihara	Menuntut supaya kuasa mereka serta perlindungan kepada orang Melayu dan hal ehwal ketuanan Melayu dipelihara.

4.2.4c) Siapakah tokoh Melayu yang mewalili perundingan dengan British dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. (ms 109)

i)	Dato' Onn Ja'afar (Menteri Besar Johor)
ii)	Dato' Nik Ahmed Kamil (Menteri Besar Kelantan)

4.2.4d) Apakah kandungan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? (ms 108)

Persekutuan	Sebuah persekutuan di bentuk dengan gabungan sebelas buah negeri.
Ketuai	Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British.
Perlembagaan	Konsep Raja berperlembagaan diwujudkan.
Senarai	Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri dibentuk.
Menjaga	Pesuruhjaya Tinggi British menjaga kedudukan istimewa orang Melayu.

4.3 Pergerakan Politik Sabah dan Sarawak

4.3a) Senaraikan persatuan yang menentang penyerahan Sarawak kepada British. (ms 110)

i)	Persatuan Melayu Sarawak.	ii)	Persatuan Dayak Sarawak
iii)	Barisan Pemuda Sarawak	iv)	Barisan Pemuda Melayu Sibiu.

4.3b) Mengapakah masyarakat tempatan menentang penyerahan Sarawak oleh Vyner Brooke kepada British? (ms 110)

Paksa	Dipaksa untuk menerima penjajahan British secara mutlak.
Jajahan	Keturunan James Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British di London sebagai tanah jajahan mahkota.
Bercanggah	Mereka menentang tindakan Vyner Brooke itu kerana perkara tersebut bercanggah dengan Perlembagaan 1941.
Berunding	Keputusan itu dibuat oleh Vyner Brooke tanpa berunding dengan orang tempatan atau ketua-ketua mereka.
Sokongan	Vyner Brooke menerima sokongan anggota bukan bumiputera dan pegawai-pegawai British menyebabkan Sarawak diisytiharkan sebagai Tanah Jajahan Mahkota British.

4.3c) Apakah tindakan yang diambil oleh masyarakat tempatan menentang penjajahan British di Sarawak?

Terbuka	Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Barisan Pemuda Sarawak, Barisan Pemuda Melayu Sibuan dan Persatuan Dayak Sarawak menentang pengisytiharan tersebut secara terbuka.
Demonstrasi	Kaum ibu dalam PKMS turut membantah dengan berdemonstrasi dan menghantar surat bantahan kepada kerajaan British.
Letak	Seramai 338 orang kakitangan awam meletakkan jawatan sebagai tanda bantahan.
Sulit	Pakatan sulit antara kaum terpelajar dengan orang muda Sarawak menubuhkan kumpulan Rukun Tiga Belas, sebagai tindak balas terhadap tekanan politik British.
Tikam	Sir Duncan Stewart, iaitu Gabenor Sarawak yang baru dilantik telah ditikam oleh Rosli Dhobi semasa beliau melawat Sibuan pada 3 Disember 1949.

4.3d) Penyerahan Sabah oleh Syarikat Borneo Utara British kepada British tidak mendapat tentangan. Jelaskan

Perlahan	Kesedaran politik di Sabah amat perlahan, berpecah belah dan tidak berkesan.
Sederhana	Persatuan Kebangsaan Melayu Labuan, Persatuan Melayu Jesselton serta Barisan Pemuda Labuan dan Jesselton ialah persatuan sosioekonomi yang bersifat sederhana.